

BULETIN TERAJU



www.umk.edu.my



PERDANA MENTERI

LAWAT UMK KAMPUS JELI

ISSN 1985-5451



**MENJUNJUNG KASIH
TUANKU CANSOLOR**

Tuanku Canselor terima
kunjungan delegasi UMK



**FORUM PENDIDIK
KEUSAHAWANAN
NASIONAL (NEEF 2012)**

Pengajian keusahawanan
perlu diperluas



JOM MASUK U!

70,000 pengunjung
serbu Karnival Pengajian
Tinggi Negara 2012

Pengurusan UMK

Naib Canselor
Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan Hj. Che Rose

Timbalan Naib Canselor
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pendafatar
Prof. Dr. Razli Che Razak

Bendahari
Hajah Siha Saat

Ketua Pustakawan
En. Azman Hashim

Editorial

Ketua Editor
Puan Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain
(Pengarah Pusat Komunikasi Korporat)

Editor
Puan Hjh. Thana Abdullah
En. Mohd. Naim Idris

Wartawan
Syarimie Wosley
Normala Othman

Fotografi
Mohd Al Azam Mat Razi

Pereka
Yusroyka Karim
Elyani Zamri

Editor Bersekutu
Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar
(Dekan Fakulti Agro Industri dan
Sumber Asli)

Prof. Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim
(Dekan Fakulti Keusahawanan
dan Perniagaan)

Prof. Madya Hj. Abdul Aziz Shuaib
(Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan)

Dr. Mohd. Azam Khan Goriman Khan
(Dekan Fakulti Perubatan Veterinar)

Prof. Dr. Szali Abd. Wahab
(Dekan Pusat Pengajian Siswazah)

Prof. Dr. Farok Zakaria
(Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan
Pembangunan Insaniah)

Prof. Rosdi Ab. Rahman
(Pengarah Pusat Pembangunan dan
Pengurusan Akademik)

Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latiff
(Pengurus Pembangunan Perniagaan
dan Inkubator Universiti)



Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi:
Pusat Komunikasi Korporat
Universiti Malaysia Kelantan
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu, Kelantan

E-mail: korporat@umk.edu.my
Tel:09-771 7019
Faks:09-771 7022

Laman sesawang:<http://www.umk.edu.my>



PERUTUSAN NAIB CANSOLOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Alhamdulillah segala puji ke hadrat Allah S.W.T Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasih.

Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T kerana telah diberi peluang untuk menggalas tanggungjawab serta amanah sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang kedua (ke-2). Terima kasih kepada warga UMK khususnya yang sentiasa bersedia memberikan komitmen dan sokongan terhadap agenda pembangunan Universiti ke tahap yang lebih hebat, cemerlang dan gemilang.

UMK telah mencapai usia operasi hampir lima (5) tahun dan kini UMK telah memasuki fasa kedua (ke-2) pembangunan organisasi, dan saya selaku Naib Canselor akan memberi fokus dalam memperkemas infrastruktur fizikal dan pengurusan sumber di empat (4) lokasi operasi Universiti iaitu Kota Bharu, Bachok, Jeli dan Kuala Lumpur untuk *fly high* menjadi peneraju dalam bidang pendidikan keusahawanan.

Dalam menghalau tuju ke arah visi UMK untuk menjadi peneraju pembangunan modal insan yang cemerlang bercirikan keusahawanan melalui kaedah penyampaian pendidikan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik, UMK komited menyediakan program akademik yang berkualiti dan relevan, penyelidikan berinovasi tinggi serta memenuhi tanggungjawab kepada sosial dan masyarakat.

Bagi menjayakan aspirasi fasa baharu UMK ini, beberapa usaha strategik untuk mentransformasikan program akademik dan penyelidikan Universiti akan dilaksanakan melalui penubuhan *Global Enterpreneurship Research Centre* serta penawaran program pengajian yang mempunyai nilai keusahawanan yang tinggi. Diharapkan dengan suasana persekitaran kampus yang lebih kondusif, program pengajian dan penyelidikan yang bertaraf global akan mampu menjadi faktor kritikal kejayaan hasrat UMK serta menjadi institusi pilihan ramai.

Pada masa yang sama, UMK juga akan memperkenalkan program khas inkubator perniagaan kepada pelajar dengan menasarkankan 10 hingga 15 peratus peserta bukan sahaja memiliki perniagaan sendiri, malah perniagaan yang berpotensi untuk berkembang maju, mempunyai tahap persaingan dan nilai inovasi yang tinggi serta mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada individu lain.

Pelaksanaan program yang mengguna pakai strategi *blue ocean* antara UMK dengan pelbagai agensi diharapkan dapat menjana ekonomi baharu dan memperluas batasan perniagaan sedia ada agar dapat dimanfaatkan bersama masyarakat sebagai memenuhi tanggungjawab sosial UMK.

Akhir kata, harapan saya agar UMK mampu menjadi penyumbang kepada kecemerlangan pendidikan keusahawanan diperingkat global pada masa hadapan dan ucapan terima kasih saya sekali lagi kepada semua warga UMK yang telah menyumbang kepada pembangunan Universiti selama ini.

Bersama Meneraju Transformasi Pendidikan Keusahawanan!

Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose
Naib Canselor

MENJUNJUNG KASIH TUANKU CANSELOR



TUANKU Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia, Sultan Muhammad V berkenan menerima kunjungan hormat Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di Istana Negeri, Kubang Kerian, Kota Bharu, pada 15 Februari 2012.

Delegasi UMK diketuai oleh Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, manakala ahli LPU terdiri daripada Y.Bhg. Dato' Seri Setia Raja Dato' Haji Mohd Aiseri bin Alias, Y.B. Dato' Haji Md. Alwi bin Che Ahmad, Y.Bhg. Dato' Mohammed bin Hussein dan Y.Bhg. Pn. Yasmin binti Mahmood.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed, Pendaftar, Y.Bhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak, Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli, Y.Bhg. Prof. Dr. Hj. Ibrahim bin Che Omar, Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamed Dahlan bin Ibrahim, Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Y.Bhg. Prof. Madya Ab. Aziz bin Shuaib dan Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Y.Bhg. Dr. Mohd Azam Khan bin Goriman Khan.

Hadir sama, Pengarah Pusat Komunikasi Korporat, Pn. Wan Tik Sakinah binti Wan Mohd Zain, Ketua Unit Perhubungan Awam, Pn. Hjh. Thana binti Abdullah dan Pegawai Khas Naib Canselor, Encik Hasannuddin bin Hassan.





PM UMUM RM1 JUTA BINA PUSAT ISLAM DI UMK

PERDANA Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak mengumumkan peruntukkan sebanyak RM1 juta kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi membina sebuah Pusat Islam, di Kampus Jeli.

Menurut Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib, peruntukkan itu adalah bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur dan pembangunan UMK dari semasa ke semasa.

Jelas beliau, cadangan penubuhan universiti di Kelantan beberapa tahun lalu oleh Perdana Menteri Kelima, Y.A.Bhg. Tun Abdullah bin Ahmad Badawi amat disokong beliau sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri pada masa itu.

"Saya menyokong kuat cadangan ini kerana bila kita hendak memperjuangkan Islam kita perlu mantapkan lagi ilmu rakyat dan usaha inilah yang kerajaan sedang rancang serta laksanakan dengan

membina lebih banyak pusat pengajian yang pasti memberi kesan positif untuk generasi baru," ujar beliau.

Beliau berkata demikian pada ucapan sempena Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di UMK Kampus Jeli, pada 2 Mac 2012.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Timbalan Menteri Kewangan, Y.B. Senator Dato' Awang Adek bin Hussin, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Y.Bhg. Jeneral Tan Sri Zulkifeli bin Mohd. Zain, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi Negara, Y.Bhg. Prof. Dato' Rujhan bin Mustafa, Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, Ahli Lembaga Pengarah Universiti, pegawai-pegawai kanan, ketua-ketua jabatan dan agensi negeri dengan dihadiri 20,000 rakyat.

Dato' Sri Najib menambah, usaha membina Universiti di Jeli bertujuan mengimbangi kemudahan dan pembangunan rakyat kawasan luar bandar.

"Sebab itulah kita bina UMK di Jeli kerana kita tahu orang kampung juga memerlukan perubahan serta pembangunan. Negeri ini memiliki banyak kelebihan serta ramai orang cerdik pandai dan inilah tempat untuk kita majukan umat Islam," katanya.



20 RIBU SAMBUT PERDANA MENTERI DI UMK KAMPUS JELI

KUNJUNGAN Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Razak ke Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Jeli sempena Majlis Pemimpin Bersama Rakyat, pada 2 Mac 2012, disambut lebih 20,000 penduduk.

Perdana Menteri yang tiba-tiba kira-kira jam 11 pagi teruja dengan kehadiran orang ramai dan turut bangga dengan pembangunan pesat Jeli di bawah kepimpinan Ahli Parlimen Jeli, Y.B. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed sejak 1994.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Jeli yang baharu beroperasi pada 22 Januari 2012 penuh sesak menyebabkan kesesakan lalu lintas hampir lima kilometer.

Menurut Dato' Sri Mustapa, sambutan yang diberikan oleh masyarakat Jeli cukup luar biasa membuktikan sokongan rakyat kepada kepimpinan Perdana Menteri.

Beliau berkata, program ini cukup istimewa dan bersejarah kerana lebih 20,000 berhimpun di kampus UMK yang baharu sahaja beroperasi.

"Penubuhan UMK adalah hasil dokongan Perdana Menteri yang memberi mandat kepada saya untuk berusaha membangunkan Jeli," katanya semasa menyampaikan kata-kata aluan pada majlis tersebut.



KECEMERLANGAN Universiti Malaysia Kelantan (UMK) perlu bergerak seiring dengan pembangunan bandar Bachok kerana Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar untuk menuntut ilmu tetapi secara tidak langsung memajukan kegiatan ekonomi penduduk setempat.



UMK MERINTIS KECEMERLANGAN BACHOK

Timbalan Menteri Kewangan, Y.B. Senator Dato' Dr. Awang Adek bin Hussein, berkata, pembinaan universiti seperti UMK membuktikan kerajaan begitu prihatin kepada usaha menjayakan sektor pendidikan disamping mengubah pembangunan kawasan setempat terutamanya di daerah Bachok.

Beliau menjelaskan, pihaknya akan bersama-sama dengan UMK menjayakan misi dan visi universiti ini sebagaimana yang dirancang untuk menjadikan kampus ini terbaik di negeri ini.

"Usaha menjadikan universiti sebagai kampus dalam taman adalah langkah permulaan perjalanan kita memajukan universiti ini yang bukan sahaja boleh dibanggakan warga mahasiswa, staf dan tenaga pengajar, tetapi turut boleh dikongsi bersama rakyat Bachok," jelasnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Gotong-Royong dan Kenduri UMK Bersama Rakyat Setempat, di UMK, Bachok, pada 26 Februari 2012.

Turut hadir, Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed, Pendaftar, Y.Bhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak dan Pegawai Pelajaran Daerah Bachok, Y.Brs. Tn. Hj. Saupi bin Majid.

Dato' Dr. Awang Adek turut mengucapkan tahniah diatas pelantikan Prof. Dr. Raduan sebagai Naib Canselor baharu dan memuji usaha menjadikan UMK Bachok, Kampus dalam taman.

Sementara itu, hadiah istimewa berupa sebuah iPad bakal dimenangi warga UMK sebagai ganjaran menjayakan program penanaman 500 pokok sempena majlis gotong-royong tersebut.

Prof. Dr. Raduan berkata, pemenang hadiah istimewa ditentukan dengan mengambil kira pokok yang ditanam tumbuh subur di sekitar kampus.

Sempena majlis ini, 500 pokok pelbagai spesies dibekalkan kepada pelajar, pensyarah dan staf UMK untuk ditanam bagi menceriakan kawasan kampus.

NATIONAL ENTREPRENEURSHIP EDUCATORS FORUM [NEEF] 2012

Officiated by:

Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin
Minister of Higher Education Malaysia

February 2012
5:00pm

Halls 1,2,3 & 4
Putrajaya International
Convention Centre (PICC)



PENGAJIAN KEUSAHAWANAN PERLU DIPERLUAS

PENDIDIKAN keusahawanan tidak harus dilihat dari perspektif melahirkan usahawan semata-mata tetapi perlu diperluas kepada aspek penyemaian nilai-nilai berkaitan perniagaan kepada pelajar.

Menteri Pengajian Tinggi, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin berkata, perkara itu penting untuk dijadikan asas melahirkan graduan yang mampu bersaing dalam persekitaran mencabar.

Katanya, pendekatan tersebut dapat memperkukuhkan peranan ahli akademik dalam meningkatkan taraf pendidikan keusahawanan di peringkat institusi pengajian tinggi.

"Pendekatan ini selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020.

"Oleh itu, pihak kementerian akan melakukan apa sahaja untuk membantu negara mencapai impian tersebut kerana setiap ahli akademik mempunyai sumbangan yang signifikan untuk merealisasikannya," katanya ketika berucap merasmikan Forum Pendidik Keusahawanan Nasional Kali Pertama (NEEF2012) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, pada 27 Februari 2012.

"Bidang keusahawanan merupakan mekanisme terbaik untuk tranformasi penciptaan saintifik kepada produk baru dan inovasi pada masa akan datang"

- Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Pengarah Kementerian Pengajian Tinggi, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa. Forum tersebut merupakan anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT).

Menurut Mohamed Khaled, bidang keusahawanan merupakan mekanisme terbaik untuk transformasi penciptaan saintifik kepada produk baru dan inovasi pada masa akan datang.

"Ini kerana universiti dan kolej teknikal perlu dijadikan 'enjin' untuk sebarang penciptaan saintifik dan pembangunan teknologi. "Sehubungan itu, pihak IPT perlu memainkan peranan dalam mempromosi bakat pelajar, graduan dan penyelidik," katanya.





Terima Sambutan
Luar Biasa
70,000
pengunjung hadir

SISTEM kemasukan pengunjung secara berkemputer mencatatkan lebih 70,000 pengunjung pada dua hari berlangsungnya Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) - Jom Masuk U Kali Ke-8 di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke IV, Kota Bharu, Kelantan pada 25 dan 26 Februari 2012.



Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, perkembangan ini memberikan isyarat positif tentang kesedaran masyarakat di negeri Kelantan tentang kepentingan ilmu pendidikan terutama dikalangan ibu bapa serta pelajar lepasan sekolah.

Beliau menjelaskan, UMK selaku tuan rumah bersama Jom Masuk U 2012 membuka peluang kepada pengunjung yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dengan mengemukakan pelbagai pertanyaan kepada wakil universiti dan kolej bagi memastikan mereka membuat pilihan tepat mengenai program pengajian yang bakal diikuti.

"Karnival jom Masuk U menyediakan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi, akreditasi dan pembiayaan bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan setaraf serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan setaraf di peringkat pengajian program Asasi, Diploma, Ijazah Pertama termasuk Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia kepada pengunjung," katanya kepada pemberita selepas melakukan kunjungan rasmi ke Karnival KPTN - Jom Masuk U.

Prof. Dr. Raduan, percaya persaingan kemasukan pelajar ke universiti tempatan kini lebih sengit dan berharap para pelajar mendapat maklumat tepat sebelum membuat permohonan kemasukan.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan

dipilih sebagai urus setia bersama kepada Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) 2012 Jom Masuk U (Zon 6) yang diadakan di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad Ke IV, di sini pada 25 hingga 26 Februari 2012.

Sementara itu, Karnival Jom Masuk U pada kali ini m e n e r i m a reaksi positif daripada pengunjung yang terdiri daripada pelajar, guru dan ibu bapa yang ingin mengetahui peluang untuk melanjutkan pengajian.

Menurut Guru Kaunselor, En. Noralam bin Hj. Majid, 53, berkata, program ini cukup bermanfaat dan diharapkan dapat diteruskan pada setiap tahun sebelum keputusan peperiksaan diumumkan.

"Jom Masuk U m e m b e r i peluang kepada pelajar untuk membuat pilihan bagi meneruskan bidang yang mereka minat dan sesuai dengan kelayakan," katanya.

Salah seorang pelajar yang ditemui, Chin Yei Kei, 17, pelajar yang hadir pada karnival ini mendapat pendedahan meluas tentang tawaran IPTA/IPTS di seluruh Malaysia.

Katanya, pelajar yang berhasrat menyambung pengajian perlu mengetahui maklumat IPT seperti kursus dan program yang ditawarkan, penajaan, aplikasi dalam talian dan banyak lagi.

"Karnival ini penting kepada pelajar sekolah yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Klik Klik



Karnival PENGAJIAN TINGGI NEGARA 2012



'GRADUAN USAHAWAN SANDARAN KECEMERLANGAN UMK'

- Naib Canselor UMK



MEMULAKAN perkhidmatan sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 1 Januari 2012, Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, terus komited dan optimis memainkan peranannya dalam perancangan jangka panjang, matlamat dan penstrukturan Universiti bagi menjayakan teras keusahawanan. Ikuti wawancara TERAJU bersama Prof. Dr. Raduan tentang visi dan misi Universiti.

Bagaimana Y.Bhg.Prof. melihat tanggungjawab dan amanah baharu ini?

Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang memberi kepercayaan kepada saya untuk menggalas amanah dan tanggungjawab ini.

Ini tugas yang sangat berat dan sekiranya boleh, saya ingin berkongsi sedikit perasaan tentang rakan baik saya iaitu mantan Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zaini bin Mohamed. Beliau kita boleh anggap sebagai peneroka yang telah berjaya membangunkan sebuah universiti dengan sumber dan skala yang terhad.

Saya kagum dengan ketabahan dan kecekalan beliau kerana saya berpeluang melihat sendiri kemudahan-kemudahan dan prasarana yang ada di Universiti pada hari ini.

Dalam usaha mengembangkan bidang pendidikan keusahawanan di UMK, apakah peranan yang telah diambil oleh Y.Bhg. Prof. ?

Sebagai peneraju universiti keusahawanan di negara ini, UMK akan bertindak sebagai sebuah kordinator dengan mewujudkan unit *Global Entrepreneurship Research Centre* bagi menggemblengkan pakar-pakar yang dapat menyumbangkan kepakaran mereka untuk bidang keusahawanan.

Unit ini akan mewujudkan perkongsian kukuh antara pakar-pakar keusahawanan yang terdiri daripada 15 hingga 20 pakar yang dilantik untuk membawa UMK ke tahap yang lebih tinggi sebagai peneraju bidang keusahawanan di negara ini.

Sejauhmanakah, Y.Bhg. Prof. melihat keupayaan UMK untuk memastikan status universiti keusahawanan dapat di capai?

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mempunyai keupayaan untuk mengeksploitasi kekuatan terasnya untuk menjadi universiti bertaraf dunia yang berorientasikan usahawan menjelang 2020,

Melalui pelan staregik yang telah kita rancang, setiap program akademik akan diberi

**“Staf dan seluruh warga
Universiti diminta bersama
menyokong dan menjayakan
teras Universiti
Keusahawanan ...”**

penambahbaikan dan penubuhan program khas untuk *business incubator* akan mensasarkan 10 hingga 15 peratus graduan yang menyertai program ini akan menjadi peneraju kepada perniagaan sendiri.

Dalam kata lain, UMK melahirkan pelajar yang boleh menjadi majikan sendiri manakala pelajar yang ingin makan gaji boleh menjadikan nilai keusahawanan ini sebagai nilai tambah kepada organisasi tempat mereka bekerja nanti.

Pada pandangan Y.Bhg. Prof, apakah signifikan penubuhan UMK kepada rakyat negeri Kelantan ?

Pertamanya, melihat kepada senario UMK dan masyarakat di Kelantan, kita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan pusat kerana menunaikan janji supaya di negeri Kelantan mendapat sebuah universiti penuh.

Perkara kedua, pada masa yang sama kerajaan pusat juga perlu sentiasa memberi sokongan supaya UMK terus berkembang sebagai sebuah pusat institusi pengajian tinggi yang bertaraf nasional dan internasional.

Rakyat Kelantan perlu berbangga kerana dengan kehadiran UMK persekitaran mereka akan terus berubah. UMK Kampus Bachok akan mengubah landskap Bachok begitu juga di Jeli akan berubah seperti apa yang berlaku di Pengkalan Chepa.

Ini satu perkara yang baik. Berubah dalam dimensi apa? Umpamanya orang yang datang itu bukan sebarang orang dan pelajar-pelajar universiti inilah yang akan menjadi pemimpin masa depan.

Selepas 100 hari memimpin UMK, bagaimanakah pendekatan yang telah diambil oleh Y.Bhg. Prof.?

Dalam tempoh itu, kita telah menaikkan taraf tiga kampus iaitu kampus di Kota Bharu, Bachok dan Jeli akan menempatkan fakulti yang berbeza bagi memudahkan proses pembelajaran.

Kampus UMK di Pengkalan Chepa akan dikenali sebagai Kampus Kota khusus untuk program perniagaan dan keusahawanan, kampus di Bachok menempatkan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan manakala kampus di Jeli ialah Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli,

Kampus di Bachok akan ditransformasi menjadi kampus dalam taman dan pusat kegiatan seni di Pantai Timur kerana sesuai dengan fakulti terbabit yang melibatkan kesenian dan kebudayaan.

Manakala kampus Jeli akan dijadikan sebuah kampus berkonsepkan "Kampus Di Dalam Taman Hutan" sebagai teras pembangunan fizikal kampusnya, selari dengan konsep eko-kampus yang mengutamakan kelestarian alam sekitar dan penggunaan sumber asli secara bijaksana.

Sejauhmanakah Y.Bhg. Prof. melihat hasrat untuk menjadikan UMK sebagai universiti minda kelas pertama dan peneraju keusahawanan di peringkat global dicapai?

Bagi merealisasikan hasrat itu kita telah merangka pelbagai strategi untuk memantapkan operasi UMK di semua peringkat termasuk jalinan kerjasama lebih erat dengan pusat pengajian tinggi tempatan lain yang turut diangkat sebagai rakan sekutu UMK.

Selain itu, UMK bercadang mengadakan pertandingan pelan perniagaan bulanan dalam kalangan penuntutnya dan pelajar pusat pengajian tinggi tempatan lain bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

Jelasnya, pelajar yang berjaya dalam pertandingan itu akan dimasukkan dalam 'inkubator' perniagaan dan keusahawanan bagi membentuk mereka menjadi usahawan berjaya pada masa hadapan.

Kita sediakan arah tuju dan semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) akan menjadi rakan sekutu untuk sama-sama menjayakan hasrat ini.

Berapakah sasaran bilangan pelajar UMK pada masa akan datang?

Selain daripada usaha meningkatkan pembangunan UMK fasa kedua, kita juga mengambil langkah untuk meningkatkan jumlah bilangan pelajar dari semasa ke semasa.

Insyallah, kita menasaskan lebih kurang 10,000 hingga 15,000 orang pelajar akan mengikuti pengajian di tiga kampus UMK pada 2015.

Buat masa ini kita mempunyai 17 program pengajian yang merangkumi tujuh program di Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) dan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP).

Dua program pengajian di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) manakala satu program pengajian di Fakulti Perubatan Veterinar (FPV).

Apakah perancangan dan harapan Y.Bhg. Prof.?

Saya akan buka satu program khas untuk memperkasakan pendidikan bagi penjawat awam khususnya di negeri Kelantan ini. Mereka berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah (PhD) di UMK.

Ini merupakan satu usaha untuk memasyarakatkan universiti kerana jika dulu pelajar yang mencari universiti, tetapi sekarang, universiti pula datang kepada masyarakat.

Tidak guna ada universiti untuk dipandang sahaja, kerana jika tidak ada matlamat universiti tidak ada ada-apa.

Selain itu, saya akan memastikan staf akademik berusaha menjayakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) melalui teras dan kekuatan yang kita ada.



"Ini merupakan satu usaha kami untuk memasyarakatkan universiti kerana jika dulu pelajar yang mencari universiti tetapi sekarang universiti mencari pelajar..."

LENSA @ TERAJU



1: Kunjungan hormat Naib Canselor ke pejabat Menteri Besar Kelantan, Y.B. Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat pada 30 Januari 2012.

2: Delegasi UMK terdiri daripada Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed, Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Prof. Dr. Sazali bin Abd. Wahab, Pengarah Pusat Komunikasi Korporat, Pn. Wan Tik Sakinah binti Wan Mohd Zain, Ketua Unit Perhubungan Awam, Pn. Thana binti Hj. Abdullah dan Pegawai Khas Naib Canselor, En. Hasannuddin bin Hassan.



1&2: Naib Canselor dan delegasi UMK membuat kunjungan rasmi ke pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (SUK), Y.Bhg. Dato' Dr. Hj. Zainuddin Bin Hj. Ibrahim, Pegawai Kewangan Negeri, Y.Bhg. Datuk Fauzi bin Che Mamat dan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan, Y.Bhg. Datuk Azlan bin Ab. Halim.
3: Kunjungan rasmi UMK ke pejabat Ketua Polis Negeri Kelantan, Y.Bhg. Dato' Jalaluddin bin Abdul Rahman di Ibu Pejabat Polis Kelantan (IPK) pada 15 Januari 2012.



1: Lawatan kerja Persatuan Wanita Kelantan Lembah Kelang (PUSPA) yang diketuai oleh Presiden PUSPA, Y.Bhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim ke pejabat Naib Canselor pada 29 Februari 2012.

2: Kunjungan hormat Ketua Eksekutif SME Corp., Y.Bhg. Dato' Hafshah Hashim, ke pejabat Naib Canselor UMK.

3&4: Naib Canselor menerima lawatan Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Y.Bhg. Dr. Jalaluddin bin Harun, pada 26 Februari 2012.



LAWATAN kerja Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose ke UMK Kampus Bachok dan Jeli pada 1 dan 2 Januari 2012.





FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN PLATFORM LAHIR SISWA BERDAYA KREATIF

FAKULTI Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berusaha melahirkan mahasiswa yang berdaya kreatif bertepatan dengan penekanan yang telah digariskan dalam Dasar Industri Kreatif 2009 untuk melahirkan lebih ramai graduan yang berfikiran kreatif.



Dekan FTKW, Y.Bhg. Prof. Madya Ab Aziz bin Shuaib berkata, pihaknya akan sentiasa berusaha menambah bilangan program pengajian dalam usaha melahirkan graduan kreatif dan berinovasi.

Dalam usaha ke arah itu, katanya, bermula pada tahun depan program ijazah sarjana muda seni bina dalaman dan seni landskap akan dilaksanakan.

"Program ini adalah tambahan kepada program sedia ada yang merangkumi pelbagai sumber elektif seperti seni persembahan warisan binaan, seni kreatif, muzik, muzium dan juga pemuliharaan.

"Pihak fakulti juga sedang merancang penambahbaikan kemudahan infrastruktur seperti ruang pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan kehendak pelajar untuk memberi lebih keselesaan," katanya.

UMK Kampus Bachok mula beroperasi pada 11 Julai 2011 dengan bilangan pelajar FTKW seramai 663 pelajar.

"Mereka inilah yang akan merealisasikan Dasar Industri Kreatif untuk memperkasakan industri kreatif bersesuaian dengan definisi kreatif itu sendiri yang menjana ekonomi melalui pemikiran kreatif.

"UMK Kampus Bachok yang dikenali sebagai Kampus Dalam Taman akan berusaha mempertingkatkan kualiti pembelajaran kreatif dalam pelbagai bidang serta mampu melahirkan usahawan kreatif pada masa hadapan," katanya.

Prof. Madya Ab. Aziz, menambah, sebagai usaha ke arah itu kampus ini telah menyediakan pelbagai kemudahan yang efektif seperti kemudahan studio yang lengkap, bengkel dan makmal yang terbaik kepada pelajar dengan hasrat menghasilkan pelajar yang kreatif.

"Kejayaan dua graduan UMK dalam menghasilkan penerbitan drama bersiri kanak-kanak iaitu Kaki Robot terbitan RTM1 pada setiap hari Sabtu jam 10.30 pagi adalah bukti pencapaian universiti," katanya.

Bagaimanapun, katanya, pencapaian cemerlang pelajar ini masih belum dapat menguji kemampuan sebenar graduan FTKW memandangkan UMK merupakan universiti yang masih baharu.

Tambah beliau, pelajar FTKW perlu bersikap proaktif bagi mempertingkatkan kualiti ke arah yang lebih kreatif sebagaimana yang dihasratkan oleh universiti serta mampu menjadi seorang usahawan kreatif pada masa hadapan.

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Jeli yang terletak di daerah Gemang, Jeli, Kelantan, memiliki keluasan 270 ekar berlatarkan kehijauan alam semulajadi serta bukit kecil yang memberi suasana dingin dan nyaman.

Selari dengan suasana damai ini, Kampus Jeli berpegang kepada konsep "Kampus di dalam Taman Hutan" sebagai teras pembangunan fizikal kampus.

Konsep ini bermaksud, kampus ini berada di dalam taman yang dihiasi dengan pohon berbunga seperti taman dengan panorama indah daripada alam semulajadi menampakkan suasana hutan. Ini juga adalah selari dengan konsep eko-kampus yang mengutamakan kelestarian alam sekitar dalam pembangunan fizikal.

Ini juga adalah termaktub dalam prinsip penubuhan fakulti berteraskan sains yang menekankan kepada kelestarian alam sekitar dan penggunaan sumber asli secara bijaksana.

Adalah menjadi harapan UMK kampus Jeli pada masa hadapan untuk melihat kampus ini menjadi sumber tarikan sebagai destinasi *eco-tourism*. Kampus taman ilmu yang dikelilingi oleh rimbunan pohon dan pokok yang akan dikenali pasti secara saintifik sebagai suatu strategi pembelajaran dan pengajaran.

Sebelum berpindah ke kampus Jeli, Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) beroperasi di kampus Pengkalan Chepa sehingga 19 Januari 2012. Kini FASA berada di kampus baharu telah bersedia untuk berhadapan dengan berbagai cabaran baru.

Kampus ini menempatkan fakulti berkaitan sains dan teknologi, pejabat pentadbiran kampus dan dua (2) fakulti baharu akan ditubuhkan iaitu Fakulti Industri Asas Tani dan Fakulti Sains Bumi dengan bilangan pelajar seramai 900 pelajar prasiswazah dan pascasiswazah.

Kampus Jeli mempunyai 74 staf akademik dan 55 staf bukan akademik dengan 41 staf akademik sedang mengikuti pengajian pada peringkat Doktor Falsafah.



Pada pengambilan September 2012, enrolmen pelajar diharap akan meningkat kepada 1500 pelajar yang mengikuti tujuh program akademik prasiswazah dan program pascasiswazah. Kampus Jeli mempunyai satu bangunan sahaja buat permulaan ini yang akan dikongsi oleh dua fakulti dan pejabat pentadbiran kampus.

Kemudahan Kampus Jeli disokong oleh sebuah dewan, perpustakaan sementara dan asrama pelajar. Dengan kekangan inilah, Fakulti Perubatan Veterinar yang lahir daripada dada FASA akan terus beroperasi di kampus Pengkalan Chepa sehingga bangunan baru untuk fakulti Perubatan Veterinar dapat dibina.

Keadaan ini sememangnya tidak begitu selesa tetapi telah menjadi prinsip warga FASA untuk berusaha menjana kecemerlangan walaupun di bawah semua keadaan.

Kumpulan pelajar pertama FASA iaitu seramai 42 graduan telah menerima ijazah masing-masing pada majlis Konvokesyen UMK pertama pada 19 September 2011.

Lebih membanggakan sebanyak 20 peratus daripada graduan ini telah menceburkan diri dalam perniagaan sendiri dan menjayakan teras keusahawanan seperti yang dihasratkan oleh UMK.

Program Persediaan Keusahawanan Sains UMK dan MARA



PROGRAM Persediaan Keusahawanan Sains (PPKS) antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) adalah selaras dengan hasrat kedua-dua pihak melahirkan graduan berlatarbelakangkan sains dan memiliki pengetahuan yang mantap dalam bidang keusahawanan.

Ketua Pengarah MARA, Y.Bhg. Datuk Ibrahim Ahmad berkata, usaha ini juga selaras dengan proses transformasi organisasi di MARA secara menyeluruh meliputi perancangan strategik untuk pelan halatuju jangka panjang MARA dengan *tagline* baharu "Keusahawanan dan Pendidikan Global".

"Usaha ini akan memperkukuhkan kerjasama dalam bidang keusahawanan dan peluang pendidikan bertaraf global," katanya semasa menerima kunjungan Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan Hj. Che Rose ke pejabat Ketua Pengarah MARA di Ibu Pejabat Mara, Kuala Lumpur pada 15 Mac 2012.

Hadir sama ialah Pendaftar UMK, Prof. Dr. Razli Che Razak; Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli, Y.Bhg. Prof. Dr. Ibrahim Che Omar; Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Prof. Dr. Sazali Abdul Wahab, Pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Y.Bhg. Prof. Dr. Raja Suzana Raja Kasim dan Pengarah Pusat Komunikasi Korporat, Pn. Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain.

MARA diwakili oleh Pengarah Pembangunan Usahawan, Tuan Hj. Yahya Ibrahim; Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi, Tuan Hj. Bahari Ab. Wahab; Timbalan Pengarah Bahagian Sumber Manusia, Dr. Zulkifli Saidun dan Timbalan Pengarah Bahagian Pengajaran Pelajaran, Cik Nor Azwa Hassan.

UMK dan TPM COLLEGE jalin kerjasama pintar

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Technology Park Malaysia College (TPM) dalam usaha menjalin kerjasama bagi menjalankan program perkongsian pintar antara kedua-dua buah universiti.

Melalui perjanjian itu, pelajar lepasan kursus asas atau diploma di Kolej Technology Park Malaysia (TPM) boleh melanjutkan pengajian mereka di UMK.

Pada majlis itu, UMK diwakili oleh Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose dan disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed, Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamed Dahlan bin Ibrahim dan Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Y.Bhg. Prof. Dr. Sazali bin Abdul Wahab.

Manakala TPM College diwakili oleh Ketua Pegawai Operasi, Y.Bhg. Pn Shaliza binti Sabtu.



Hadir sama Ahli Lembaga Pengarah TPM College, Y.Bhg. Hj. Sharbani bin Harun, En Shahazman bin Abu Samah dan Naib Presiden Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Korporat, Y.Bhg. En. Ahmad Husni bin Johari.

Menurut Prof. Dr. Raduan, kerjasama ini adalah untuk memberi peluang dan membolehkan pelajar di TPM College melanjutkan pengajian mereka di UMK.

"Kerjasama itu secara tidak langsung dapat meningkatkan pembangunan holistik graduan UMK bagi memenuhi sumber keperluan tenaga manusia pada masa hadapan," katanya.

3,100 pelajar UMK terima baucar buku 1Malaysia



PELANTIKAN Naib Canselor Baharu Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose mampu merangsang kecemerlangan dan melonjakkan lagi imej Universiti ke tahap lebih tinggi di persada dunia.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed berkata, pelantikan Prof. Dr. Raduan ke UMK seterusnya dapat

merealisasikan agenda pembangunan Universiti yang berteraskan keusahawanan.

Beliau berharap Naib Canselor baharu yang menggantikan Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed pada 1 Januari 2012 juga berjaya meningkatkan kecemerlangan dan pencapaian UMK dengan sokongan pelajar, pensyarah serta masyarakat Kelantan amnya.

"Sumbangan dan jasa Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai selama empat tahun menerajui UMK sejak 2007 amat dihargai serta diucapkan terima kasih," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Baucar Buku 1Malaysia kepada pelajar UMK, di Kampus Pengkalan Chepa, pada 9 Januari 2012.

Pada majlis itu, seramai 3,100 pelajar UMK menerima baucar bernilai RM200 bagi meringankan beban mereka membeli buku.

Menurut Dato' Sri Mustapa, pengagihan baucar itu dilakukan serentak di seluruh negara sebagai tanda keprihatinan kerajaan menangani isu kenaikan harga barang termasuk buku.

Katanya, setiap pelajar universiti menerima RM200 sumbangan Kementerian Pengajian Tinggi dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM625,000.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan, Y.Bhg. Dato' Makhtar bin Mustapha dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr Mortaza bin Mohamed.

STAF AKADEMIK

STAF akademik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) perlu proaktif untuk menjayakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dalam usaha memacu kecemerlangan akademik bertaraf global dengan membina jaringan dan jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa.



Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, staf akademik dan pensyarah berperanan menterjemah dan menjayakan visi serta misi universiti dengan membentuk minda ke arah global.

Beliau berkata, untuk membawa universiti berteraskan keusahawanan di peringkat antarabangsa mereka perlu bertindak proaktif dan efektif dengan membina jaringan serta jalinan kerjasama bersama universiti-universiti terkemuka di peringkat dunia.

"Pelan kecemerlangan ini hendaklah lebih berdaya saing, kreatif dan fleksibel khususnya selaras dengan matlamat untuk mencapai penubuhan sebagai sebuah Universiti Penyelidikan (RU)," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perjumpaan Naib Canselor bersama staf akademik UMK bertempat di UMK Kampus Bachok, pada 31 Januari 2012.

Prof. Dr. Raduan juga memberitahu beliau akan meneruskan agenda pembangunan fasa kedua yang telah dirintis oleh mantan Naib Canselor UMK, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dalam membangunkan universiti.

Real Momentum Solution

Kejayaan UMK melahirkan graduan usahawan

133429544 • 0165613380 •

REAL Momentum Solution, syarikat milik graduan perintis Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah bukti kejayaan slogan *Entrepreneurial University, Entrepreneurship is Our Thrust* dalam melahirkan usahawan yang bermotivasi tinggi dan kompetan.

Menurut pemiliknya, Mohd. Hafizuddin Hiew bin Abdullah, 25, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Keusahawanan Teknologi Pertanian), Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli, syarikat Real Momentum lahir daripada hasil kesungguhan UMK melahirkan usahawan dan ahli perniagaan.

Syarikat Real Momentum yang ditubuhkan pada 1 April 2011 adalah sebuah syarikat mengeluarkan produk percetakan seperti pakaian dan cenderahati serta produk kertas seperti kad nama, letterhead dan pelbagai lagi.

Selain itu, Hafizuddin Hiew juga berhasrat menjadikannya sebagai pusat sehenti percetakan yang mampu menawarkan pelbagai perkhidmatan termasuk mencetak pakaian dan produk cenderahati yang eksklusif.

"Saya telah memulakan bidang perniagaan secara sambilan ketika menuntut di UMK dengan menjadi pengedar telefon bimbit al-Quran" katanya.

Sebaik tamat pengajian di UMK, Hafizuddin Hiew berkata, beliau dan isteri, Puan Al-Arabi binti Mohamed, 26, telah memulakan perniagaan berasaskan industri percetakan iaitu Real Momentum Solution.

Syarikatnya kini dilantik sebagai pengedar utama untuk beberapa jenama terkenal dan antara pelanggan utama syarikat beliau adalah Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Utara Malaysia, Konsortium E-Mutiara Berhad, GM Station Sdn. Bhd. bagi Bas Express, PT Mygolden Duck iaitu Syarikat MLM Top 10 di Indonesia, PERKIM Kebangsaan, MACMA, IKNB, Mahaad Al-Muhammadi, Takaful Ikhlas, dan UMK.



Hady Agro Farm

**pengusaha ternakan
lembu dan kambing**

BERMULA dengan perniagaan secara kecil-kecilan semasa mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Abdul Hadi bin Samsudin, 26, seorang lagi graduan perintis UMK menceburi bidang usahawan dalam industri ternakan lembu dan kambing.

Walaupun baru tujuh bulan memulakan perniagaan, Abdul Hadi pemilik Hady Agro Farm yakin perniagaannya akan terus berkembang dengan pendapatan mencecah RM5,000 sebulan.

Menurut Abdul Hadi, beliau menceburi perniagaan itu secara serius pada 4 Ogos 2011 selepas tamat pengajian di UMK dengan bermodalkan RM10,000.

Katanya, idea itu timbul selepas melihat orang kampung menyara anak-anak dan keluarga mereka hasil daripada ternakan lembu.

"Bermula daripada situlah saya mencuba nasib dengan mengusahakan ternakan lembu dan kambing yang diambil daripada seorang pembekal di Kampung Kandis, Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan," katanya.

Abdul Hadi merupakan graduan pertama Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, UMK.

Proses pembelajaran keusahawanan di UMK sedikit sebanyak membantu kejayaan perniagaannya selain daripada sokongan keluarga dan rakan-rakan.

Menurut Abdul Hadi, syarikat Hady Agro Farm menyediakan perkhidmatan membekal dan menjual kambing kepada orang perseorangan atau pemborong serta menjadi pembekal lembu tempatan dan import.

"Selain itu, kami juga menyediakan perkhidmatan catering untuk majlis kenduri, majlis rasmi dan keraian," katanya.

Ketika ditanya kunci kejayaan beliau pada hari ini, Hadi menyifatkan arwah bapanya pernah berpesan bahawa biar kita nampak bodoh tetapi hakikatnya kita cerdik daripada kita nampak cerdik tetapi hakikatnya kita bodoh.

"Prinsip itulah yang banyak memberi perangsang kepada kejayaan perniagaan saya hari ini," jelasnya.

Selain itu, Hadi menambah bahawa untuk mengecapi kejayaan kita jangan cepat merasa selesa dengan apa yang ada dan jangan banyak merungut bila ditimpa masalah kerana pengalaman banyak membantu untuk peroleh kejayaan.



Bagi Abdul Hadi, kepuasan dapat dirasai apabila ternakan lembu dan kambingnya dijual kepada pelanggan.

"Apabila pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan kita, secara tidak langsung saya dapat membina rangkaian perniagaan dengan lebih meluas lagi," katanya.

Beliau bercadang untuk meluaskan perniagaannya dalam bidang urusan hartanah dan menjadi broker suatu hari nanti.



JALINAN KERJASAMA FTKW DAN UNIVERSITI YALA RAJABHAT



FAKULTI Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) akan menjalinkan hubungan kerjasama dengan Universiti Yala Rajabhat, Thailand, membabitkan pelbagai bidang terutamanya dalam aspek akademik dan penyelidikan.

Pensyarah Kanan Elektif Komunikasi Visual FTKW, Y.Bhg. Dr. Abdullah Sani bin Kamaluddin berkata, cadangan tersebut adalah hasil perbincangan bersama pihak pengurusan Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial ketika lawatan beliau ke Universiti Yala Rajabhat, pada 22 dan 23 Februari 2012.

Beliau berkata, kerjasama itu akan diperkukuhkan lagi dengan termeterainya perjanjian persefahaman (MOU) antara UMK dan Universiti Yala Rajabhat dalam tempoh terdekat ini.

"Persetujuan kedua-dua pihak dicapai dan FTKW akan meneliti struktur perjanjian untuk meluaskan jalinan kerjasama pada masa akan datang," katanya.

Menurut Dr. Abdullah Sani, sebagai langkah permulaan UMK dan Universiti Yala Rajabhat akan bekerjasama menganjurkan pameran bertemakan *Kelantan Architecture: Art & Tradition* pada 26 dan 27 Jun 2012.

Tambahnya, pameran itu membabitkan kerjasama akademik antara UMK dan Universiti Yala Rajabhat sebagai peneraju utama dengan kerjasama Thaksin Universiti dan Prince of Songkla Universiti.

Beliau berkata, Gabenor Yala dijangka menyempurnakan perasmian pameran tersebut.

"Program pertama ini dilihat sebagai perintis kepada kerjasama yang lebih besar di antara UMK dan Universiti Yala Rajabhat pada masa akan datang," jelasnya.



LAWATAN KERJA KE SYDNEY



DALAM usaha memperkukuhkan perkongsian maklumat dan jalinan hubungan antarabangsa, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menjalinkan kerjasama akademik dengan beberapa institusi pendidikan terkemuka di Australia terutama membabitkan program pengajian bahasa dan keusahawanan.

Kerjasama ini adalah hasil lawatan kerja delegasi UMK ke Sydney, Australia yang diketuai oleh Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Y.Bhg. Prof. Dr. Farok bin Zakaria dan Penolong Pendaftar Jabatan Canselori, Cik Arbaiah bin Abdul Razak.

Menurut Cik Arbaiah, pada lawatan itu delegasi UMK telah mengadakan perbincangan ringkas dengan Pengarah *Education Malaysia Australia Sydney (EMAS)*, Y.Bhg. Dr. Jumiati Ismail, tentang peranan EMAS khususnya membabitkan hubungan pendidikan dan hal ehwal kebajikan pelajar Malaysia di Australia.

Tambah beliau, lawatan seterusnya ialah ke *English Language Company (ELC)*, sebuah sekolah pengajian Bahasa Inggeris terkenal yang telah memenangi anugerah 'Voted Best English Language School - Southern Hemisphere' pada tahun 2011.

"Delegasi UMK telah mengadakan perbincangan dengan pengasas ELC, En. David Scott tentang kaedah pembelajaran Bahasa Inggeris lebih cepat dan efektif melalui pendekatan yang paling inovatif, berkualiti dan terkini," katanya.

BARISAN kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menyifatkan lawatan ke beberapa universiti terkemuka di Melbourne, Australia pada 10 hingga 15 Februari 2012, dapat meningkatkan kefahaman berkaitan institusi pendidikan di negara itu.

Lawatan bertemakan *Entrepreneur survival sojourn! - transformation through journey across the continent*, turut memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang atribut keusahawanan untuk membentuk kemahiran insaniah supaya mereka mampu bersaing di tahap global.

Menurut Yang Dipertua MPPUMK, Muhammad Firdaus bin Abdul Karim, seramai 10 pelajar daripada barisan kepimpinan MPP dan dua staf UMK iaitu Penolong Pendaftar Kanan, Mejar Pauzi bin Pak Chu serta Penasihat MPP, En. Mohd Khir Amin bin Zakarya terlibat dalam lawatan itu.

Katanya, lawatan tersebut memberi peluang kepada pelajar bertukar-tukar pendapat, mengkaji keusahawanan dan peluang melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

Sepanjang lawatan itu, antara tempat yang dilawati ialah University of Melbourne, La Trobe University, Royal Melbourne Institute of Technology (RMIT) dan Victoria University.

Delegasi UMK turut menjalankan beberapa aktiviti dengan *Malaysian Student Association* di beberapa universiti dan Kelab UMNO Australia-Malaysia (KUAM).

LAWATAN KE MELBOURNE

dedah pelajar
tentang keusahawanan



MAJLIS LAMBAIAN KASIH

kenang jasa Naib Canselor Pertama UMK

NAIB Canselor Pertama Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed diraikan pada majlis Lambaian Kasih, yang berlangsung di UMK Kampus Pengkalan Chepa, pada 29 Disember 2011.

Majlis itu diadakan sebagai menghargai sumbangan besar Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai, sebagai pengasas yang telah berjaya membawa UMK ke mercu kejayaan sepanjang lima tahun berkhidmat sebagai Naib Canselor.

Sumbangan besar Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai dalam merealisasikan teras UMK iaitu *Entrepreneurship is Our Thrust* telah meletakkan Universiti berada di landasan yang betul bagi merealisasikan visi UMK sebagai peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan untuk kesejahteraan global.

Pada majlis itu, turut diadakan acara Daftar Keluar Sistem Kedatangan oleh Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai sebagai gimik tamatnya tempoh beliau sebagai Naib Canselor UMK dan kakitangan awam.

Sementara itu, pada majlis berasingan bagi tujuan yang sama, Naib Canselor, Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, komitmen Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam melahirkan graduan bercirikan keusahawanan akan dipertingkatkan melalui pelaksanaan pelbagai strategi untuk mencapai status universiti bertaraf global menjelang tahun 2020.



Beliau berkata, pihak UMK komited untuk membangunkan program-program akademik bercirikan keusahawanan melalui kemudahan infrastruktur dan kepakaran tenaga akademik yang sedia ada.

Katanya, selain itu UMK juga memiliki kekuatan tersendiri bagi mencapai matlamat Universiti untuk melahirkan graduan yang dapat memenuhi ciri-ciri keusahawanan.

"Tidak mustahil suatu hari nanti UMK akan menjadi sebutan dan menjadi pilihan utama sebagai institusi yang melahirkan graduan yang istimewa berbanding universiti lain," katanya.

Majlis Menggarap Amanah yang dihadiri pegawai kanan UMK, itu diadakan di sebuah hotel, di Kota Bharu, pada 5 Januari 2012.

Menurut Prof. Dr. Raduan, beliau akan meneruskan perjuangan Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai dalam memajukan UMK yang kini mempunyai hampir 3,100 pelajar.

"Sumbangan ikhlas yang tidak mengira jemu telah diberikan oleh Prof. Emeritus Ir. Dr. Zainai dalam membangunkan universiti selepas menerajui penubuhannya kira-kira lima tahun lalu tidak boleh dibayar dengan wang ringgit," tegasnya.

PENYELIDIK FASA BUAT KAJIAN SAINTIFIK PEMAKANAN ETAK

ETAK dalam dialek Kelantan adalah sejenis hidupan cengkerang dan amat popular dijadikan menu hidangan harian serta dijadikan snek ketika bersantai bersama keluarga dan rakan.

Dikenali sebagai *corbicula fluminea* dalam bahasa saintifik, ia amat mudah didapati di sepanjang sungai di negeri berkenaan.

Malah, hidupan tersebut turut menjadi sumber mata pencarian kebanyakan penduduk yang mendiami kawasan pinggir sungai kerana permintaan yang tinggi di pasaran terutamanya etak yang telah disalai dengan ramuan khas.

Etak sama seperti lala atau kepah. Tetapi saiznya lebih kecil dan boleh dimasak bersama sayur, masak lemak, masak rebus dan kebiasaannya etak salai lebih popular.

Kerana keenakan dan kelazatannya itu, etak salai menjadi buruan namun masih ramai yang meragui sama ada etak itu selamat dimakan atau sebaliknya?

Bagi mencari jawapan tersebut, sekumpulan penyelidik dari Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang terdiri daripada Dr. Lee Seong Wei, Zalina Che Manan, Prof. Awang Soh Mamat dan Dr. Md. Ruhul Amin menjalankan kajian bagi mengkaji tahap kandungan yang terdapat dalam hidupan sungai itu.

Menurut Dr. Wei, meskipun etak telah lama dijadikan makanan, namun masih belum ada maklumat pangkalan data mengenai antibiogram dan tahap kerintangan logam berat bakteria yang terdapat pada spesies tersebut.

Beliau yang juga pensyarah kanan FASA memberitahu, satu kajian sedang dijalankan oleh kumpulannya sejak tahun 2010 bagi mengasingkan dan mengenal pasti bakteria yang terdapat dalam etak hidup dan yang disalai.

Selain itu, ia juga bertujuan mencirikan antibiogram dan pola kerintangan loga berat oleh bakteria dalam etak hidup atau etak salai dan seterusnya untuk mencirikan sifat genom bakteria tersebut.

"Etak merupakan spesies pemakan menapis yang boleh dijumpai hidup di dasar sungai yang berpasir seperti di sungai utama Kelantan dan sungai lain di Kelantan termasuk anak sungai dan tali air.



Etak merupakan spesies pemakan menapis yang boleh dijumpai hidup di dasar sungai yang berpasir seperti di sungai utama Kelantan dan sungai lain di Kelantan termasuk anak sungai dan tali air.

"Antara makanan yang ditapis adalah tumbuh-tumbuhan mikroskopik, fitoplankton dan bahan organik yang terdapat dalam mendapan," katanya.

Masalah pencemaran sungai dan proses penyediaan etak salai khususnya merupakan dua faktor utama yang menyumbang kepada pencemaran dan jangkitan bakteria di dalam etak, sekali gus dianggap sebagai penyebab penyakit gastroenteritis kepada pelanggan.

Daripada kajian yang dijalankan, penyediaan etak salai sangat ringkas kerana hanya melibatkan proses pengasinan etak bersama rempah (bawang putih, garam, jintan, serai, ajinomoto dan halia) sebelum disalai selama 15 hingga 30 minit dan kemudian sedia dimakan.

"Hasil pemerhatian yang dijalankan, etak salai boleh dianggap makanan yang separuh masak dan tidak begitu selamat untuk dimakan," katanya.

Kajian itu katanya, amat penting untuk kumpulan penyelidik mengenalpasti dan menyediakan maklumat tentang tahap antibiotik serta logam berat yang terkandung di dalam etak salai dan etak hidup yang terdapat di negeri Kelantan serta tahap selamat etak dimakan.



Artikel ditulis oleh Pensyarah Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) Dr. Lee Seong Wei dengan kerjasama Prof. Dr. Awang Soh Mamat, Md Ruhul Amin dan Zalina Che Manan



UMK KAMPUS PENGKALAN CHEPA



UMK KAMPUS BACHOK



UMK KAMPUS JELI